

Generasi muda lupa kehebatan seni silat

ELEBIHAN pencak silat mengatasi ilmu mempertahankan diri lain, diakui oleh masyarakat casing, terutama Eropah tetapi masih ada masyarakat negara ini terutama generasi muda tidak anenerima sepenuhnya hakikat itu.

B. Harian (M)

Sudah berkurun lamanya pencak silat wujud di Asean, sejak zaman kesultanan Melayu hingga ke zaman menentang penjajahan Inggeris di negara ini dan menentang penjajahan Belanda di Indonesia.

Pencak silat juga wujud di Filipina, Thailand, Burma dan Vietnam tetapi dengan nama yang berbeza.

Kejuaraan Silat Sedunia Keempat di Stadium Negara, awal Disember lalu membuktikan kepesatan perkembangannya dengan 19 negara mengambil bahagian. Negara-negara yang mengambil bahagian dalam kejuaraan di Kuala Lumpur ialah Australia, Austria, Belanda, Belgium, Great Britain, Sepanyol, Turki, Surinam, Jerman Barat, Perancis, Brunei, Indonesia, Singapura, Filipina, Tanzania, Amerika Syarikat, Yugoslavia, Denmark dan Malaysia.

Sebenarnya pencak silat adalah salah satu bahagian dalam sistem pertahanan negara. Kegemilangan serta kedaulatan bangsa dan negara pada zaman silam berkait rapat dengan sifat kepahlawaninan pendekar yang berani mati sebagai wira bangsa.

Lebih dari itu, ia juga menjadi alat perpaduan bangsa. Ini terbukti dengan kehadiran beribu penonton ke Stadium Negara sepanjang Kejuaraan Silat Sedunia Keempat lalu.

Menurut Naib Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), Anuar Abdul Wahab dalam kertas kerjanya di Seminar Sehari Silat sempena Kejuaraan Silat Sedunia menyebut, silat adalah institusi yang me-

Oleh KHAIRUL ANUAR MOKHTAR

lengkapkan diri dan pertahanan negara - **8 JAN 1988**

Malangnya ada segelintir masyarakat Melayu sendiri, terutama generasi muda berasa malu untuk memperkatakan perkembangan pencak silat. Sebaliknya mereka lebih petah memperkatakan perkembangan ilmu mempertahankan diri yang bukan berasal dari negara ini.

Ramai yang mengetahui pencak silat tetapi tidak ramai yang tahu apa hakikat sebenarnya pencak silat itu. Pendapat yang salah sering kali terjadi apabila memperkatakan pencak silat.

Ada yang berpendapat pencak silat sama seperti ilmu mempertahankan diri yang lain. Tetapi, hakikat sebenarnya pencak silat mempunyai identiti tersendiri dan tidak boleh disamakan dengan ilmu mempertahankan diri yang lain.

Presiden Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat), Eddie M Nalapraya, dalam kertas kerjanya, memperjelaskan, ni-



ABDUL RAZAK OTHMAN

lai-nilai luhur pencak silat adalah harga faktual dan substansial yang tertinggi yang wajib dihormati.

Nilai-nilai luhur ini juga dirumuskan sebagai Taqwa (kecergasan, kreativiti, ketajaman), Tangguh (sikap ulet yang pantang menyerah), Tanggon (tahan uji menghadapi cubaan dan goa).

- 8 JAN 1988

Malah pencak silat itu sendiri meliputi empat aspek penting iaitu aspek mental-spiritual, aspek beladiri, seni dan olahraga.



EDDIE M NALAPRAYA

Menyentuh mengenai silat olahraga yang dipertikai oleh beberapa pihak mengenai kewujudan seninya, Eddie berkata, negara-negara pendiri (Indonesia, Malaysia dan Singapura) adalah jawatankuasa tertinggi dalam pembentukan Persilat yang akan memastikan seni pencak silat terus wujud.

B. Harian (M)
Kewangan

Drs Jan A Pandy dalam kertas kerjanya pula, menyenaraikan beberapa sebab mengapa pencak silat tidak begitu dihayati oleh generasi muda. Antaranya ialah di segi publisiti, organisasi, kewangan dan kajian mengenai silat itu sendiri.

Pengarah dan pelakon filem terkenal Indonesia, Dicky Zulkarnain dan Benjamin S yang turut menyaksikan Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur, sependapat dengan Drs Jan. Mereka memberikan penekanan kepada kurangnya publisiti menerusi filem.

"Kebanyakan filem, baik arahan pengarah Malaysia maupun Indonesia kurang menyerahkan pencak silat Melayu secara berkesan. Sebaliknya mereka kerap menonjolkan ilmu mempertahankan diri negara asing," jelas mereka.

Profileman adalah salah satu media yang memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan perkembangan pencak silat. Tanpa publisiti yang menyeluruh dan berterusan, generasi muda tidak mengenali

pencak silat milik mereka. Menurut Drs Jan yang juga Setiausaha Persilat, 'tak kenal maka tak cinta'.

Setiap organisasi memerlukan sumber kewangan untuk menjalankan kegiatan mereka dan Persilat tidak terkecuali. Tetapi, jika publisiti menyeluruh dapat diberikan maka masalah kewangan dapat diatas.

Lebih dari itu, profileman yang menonjolkan pencak silat pasti menguntungkan pengusaha filem tempatan. Ini kerana masyarakat di Eropah terutamanya begitu berminat dengan filem-filem yang mempunyai unsur mempertahankan diri.

Daniel Anosanto, dari Filipina yang turut berlakon dalam filem yang dibintangi oleh Bruce Lee mengakui kepada pelopor pencak silat di United Kingdom, Abdul Razak Othman mengenai peranan filem untuk memperkenalkan pencak silat.

Abdul Razak dalam kertas kerjanya 'Pencak Silat Satu Kajian Kes' menyebut, Anosanto berlakon bersama Bruce Lee dalam *Game of Death* dan Burt Reynolds dalam *Sharkeys Machine* dan Kurt Russel dalam *Big Trouble in Little Chinatown*.

Bruce Lee menggegarkan dunia dengan Kung Fu China, manakala Golden Harvest dan syarikat profileman Hong Kong meraih kejayaan dalam sekilip mata.

- 8 JAN 1988

Hollywood pula tidak berdiam diri. Tawaran yang lumayan memindahkan Kung Fu dari Hong Kong ke Amerika Syarikat. Tauke-tauke filem Hong Kong tertawa dan tersandar kekenyangan. Mereka sudah kaya. Kemudian, Hollywood mula meraih keuntungan demi keuntungan, terutama se kali selepas kematian Bruce Lee.

B. Harian (M)
Tetapi, mereka terus mencari pengganti dan memperolehi Jackie Chan untuk mengekalkan populariti Kung Fu.

Selepas itu muncul pula Ninja dan filem *Enter The Ninja* menggegarkan dunia profileman. Karate juga tidak ketinggalan dengan pengeluaran filem *Karate Kid*.

Pencak silat terus tenggelam. Tetapi dengan popularnya pencak silat di negara-negara Eropah sekarang, kemungkinan besar, dunia profileman mereka akan menggegarkan dunia se kali lagi.

Berbeza dengan Indonesia yang mempunyai 820 perguruan silat, Malaysia sekadar



MENTERI Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik (kiri), bersama Ketua Pengarah DBP, Datuk Haji Hassan Ahmad (tengah) dan Naib Presiden Pesaka, Encik Anuar Ab Wahab di majlis pelancaran buku Silat Olahraga.

'Malangnya ada segelintir masyarakat Melayu sendiri, terutama generasi muda berasa malu untuk memperkatakan perkembangan pencak silat. Sebaliknya mereka lebih petah memperkatakan perkembangan ilmu mempertahankan diri yang bukan berasal dari negara ini.'

mempunyai 465 tetapi masih ada antara perguruan ini belum bergabung dengan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) yang menjadi badan induk pertubuhan silat di negara ini.

Di sini organisasi yang keemas memainkan peranan penting untuk memastikan penyeiarasan kegiatan pertubuhan silat supaya perkembangannya dapat dipercepatkan secara berkesan.

**- 8 JAN 1988
Merintis**

Pusat kajian pencak silat juga perlu ditubuhkan. Menyedari hakikat ini, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Cik, menyarankan Akademi Silat ditubuhkan supaya generasi muda tidak akan berpaling ke Eropah hanya untuk mempelajari pencak silat yang asalnya milik mereka.

Seperti ilmu mempertahankan diri yang lain, pencak silat turut memerlukan gelanggang sebagai asas untuk memperkenalkannya dan pengenalan silat olahraga adalah satu langkah paling berkesan.

Silat olahraga mula dikenali apabila Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) membentuk

satu sistem lengkap yang memungkinkan silat sebagai satu acara sukan, pada awal 1970-an.

Usaha memperkembangkan silat olahraga di peringkat antarabangsa mula dilakukan pada tahun 1979. Demonstrasi silat olahraga telah dipersembahkan dalam Sukan SEA ke-10, di Jakarta, apabila Indonesia mengundang negara-negara seperti Malaysia dan Singapura membuat pertunjukan.

Tindakan ini ternyata mendapat sambutan dan menarik minat terutama dari negara rumput Melayu, iaitu Malaysia dan Singapura.

Dengan hasrat untuk membangunkan silat, wakil-wakil Indonesia, Malaysia dan Singapura telah mengadakan perbincangan ketika itu.

Hasilnya, dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab Indonesia melalui IPSI, Malaysia menerusi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Singapura, Persekutuan Silat Singapura (Persisi), telah menubuhkan Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) pada 11 Mac, 1980.

Bermula dari sini, pada tahun yang sama satu pesta si-

lat tiga negara diadakan di Singapura.

Untuk mengekal dan mengembangkan ilmu silat Melayu ini, program-program menarik telah dirancang dan dijalankan.

Tahun 1982, merintis sejarah silat antarabangsa, apabila buat pertama kali Kejuaraan Silat Sedunia diadakan di Jakarta. Kejohanan pertama ini mendapat sambutan di luar dugaan, apabila tujuh negara mengambil bahagian.

Penyertaan Australia, Jerman Barat, Belanda dan Amerika Syarikat selain daripada Malaysia, Indonesia dan Singapura mencatat sejarah, kerana silat yang dulu menjadi milik Melayu kini mula tersebar kepada negara-negara Eropah.

Marten (M)

Kejuaraan Silat Sedunia Kedua, juga di Jakarta menjadi semakin hangat dengan penyertaan 13 negara pada tahun berikutnya. Kini, turut mengambil bahagian ialah Filipina, Perancis, Sepanyol, Tanzania, Yugoslavia dan Austria.

Sementara kejuaraan ketiga, buat pertama kali diadakan di benua Eropah apabila Vienna (Austria) menjadi tuan rumah dengan 14 negara mengambil bahagian.

Usaha-usaha untuk memasukkan silat ini sebagai salah satu acara telah dibuat sejak Sukan SEA di Bangkok 1985 tetapi menemui kegagalan kerana kurang sambutan dari negara peserta.

Bagaimanapun, setelah Persilat mengembangkan silat olahraga ke Brunei dan Thailand, maka sukan ini telah diterima sebagai salah satu acara Sukan SEA ke-14 di Jakarta. Lima negara mengambil bahagian iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand.